



NEGERI PERAK

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 75
No. 51

29hb Disember 2022

TAMBAHAN No. 22
PERUNDANGAN

Pk. P.U. 27.

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976
KAEDAH-KAEDAH LEMBAGA RAYUAN NEGERI PERAK

SUSUNAN KAEDAH-KAEDAH

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Kaedah

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PELANTIKAN AHLI, PENDAFTAR DAN URUS SETIA LEMBAGA RAYUAN

3. Pengerusi dan Timbalan Pengerusi
4. Ahli tambahan
5. Peletakan jawatan dan pembatalan pelantikan

Kaedah

6. Pendaftar dan Timbalan Pendaftar
7. Urus setia

BAHAGIAN III

PROSIDING LEMBAGA RAYUAN

8. Pemfailan rayuan
9. Pemfailan elektronik
10. Daftar Rayuan
11. Fi
12. Kewajipan Pendaftar
13. Bantahan awal
14. Kewajipan Responden
15. Kewajipan orang berkepentingan
16. Rekod Rayuan dan penyampaian
17. Pengurusan kes
18. Sidang Lembaga Rayuan
19. Perbicaraan rayuan
20. Penangguhan perbicaraan atau prosiding
21. Pemakaian Kaedah-Kaedah Mahkamah
22. Keputusan rayuan
23. Rundingan penyelesaian dan perintah persetujuan
24. Ketidakhadiran pihak-pihak
25. Menarik balik rayuan
26. Kos dan perbelanjaan

BAHAGIAN IV

PERUNTUKAN AM

27. Bahasa
28. Saman untuk hadir

Kaedah

29. Saman untuk mengemukakan dokumen
30. Permohonan saman
31. Meterai rasmi
32. Pelanjutan masa
33. Perwakilan pihak-pihak
34. Penggantungan pelaksanaan
35. Elaun
36. Pelbagai
37. Pembatalan
38. Kecualian dan peralihan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

JADUAL KEEMPAT

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

KAEDAH-KAEDAH LEMBAGA RAYUAN NEGERI PERAK

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 36(15) dan perenggan 58(2)(f) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*], Pihak Berkuasa Negeri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Lembaga Rayuan Negeri Perak 2022**.

(2) Kaedah-Kaedah ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh penyarannya dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“ahli Lembaga Rayuan” ertinya Pengerusi, Timbalan Pengerusi atau ahli tambahan yang dilantik subseksyen 36(2) Akta;

“Akta” ertinya Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*];

“Borang” ertinya suatu borang yang dinyatakan dalam Jadual kepada Kaedah-Kaedah ini dan suatu borang yang dirujuk dengan suatu nombor ertinya borang yang dinomborkan demikian dalam Jadual itu;

“Lembaga Rayuan” ertinya Lembaga Rayuan yang ditubuhkan di bawah seksyen 36 Akta;

“Menteri” hendaklah mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah subseksyen 2 (1) Akta;

“orang berkepentingan” ertinya—

(a) berhubung dengan rayuan yang difailkan di bawah perenggan 23(1)(a) Akta, Pemohon kebenaran merancang itu; dan

(b) berhubung dengan rayuan yang difailkan di bawah perenggan 23(1)(b) Akta, Pembantah;

“Panel” ertinya satu panel yang terdiri daripada mana-mana tiga orang ahli Lembaga Rayuan, yang dipengerusikan oleh Pengerusi atau Timbalan Pengerusi, ditubuhkan untuk mendengar rayuan atau untuk mengendalikan pengurusan kes rayuan;

“peguam” ertinya seorang peguamcara dan peguambela yang ditafsirkan di bawah Akta Profesion Undang-Undang 1976 [*Akta 166*];

“Pembantah” ertinya seseorang yang telah membuat bantahan menurut subseksyen 21(6) Akta;

“Pemohon kebenaran merancang” ertinya seorang pemohon bagi kebenaran merancang menurut seksyen 21 Akta yang merupakan isu bagi suatu rayuan di hadapan Lembaga Rayuan;

“Pendaftar” ertinya Pendaftar Lembaga Rayuan yang dilantik di bawah kaedah 6 dan termasuk Timbalan Pendaftar yang menjalankan fungsi Pendaftar di bawah kaedah yang sama;

“Pengaruh Negeri” hendaklah mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah subseksyen 2 (1) Akta;

“Pengerusi” ertinya Pengerusi Lembaga Rayuan yang dilantik di bawah subseksyen 36(2) Akta, termasuk Timbalan Pengerusi yang menjalankan fungsi Pengerusi di bawah subseksyen 36(5) Akta;

“Perayu” ertinya orang yang memfailkan notis rayuan menurut kaedah 8, dan termasuk orang yang menggantikan Perayu asal di bawah subkaedah 25(4);

“Rekod Rayuan” ertinya semua maklumat dan dokumen yang dikehendaki untuk diberikan kepada Pendaftar menurut kaedah-kaedah 14 dan 15 dan hendaklah termasuk semua permohonan, saman, notis, award dan perintah yang dikeluarkan, dibuat atau diberikan oleh Pengerusi atau mana-mana dokumen lain yang digunakan semasa prosiding Lembaga Rayuan;

“Responden” ertinya pihak berkuasa perancang tempatan yang terhadapnya keputusan atau tindakan rayuan difailkan di Lembaga Rayuan; dan

“urus setia” ertinya urus setia yang dilantik di bawah kaedah 7.

BAHAGIAN II

PELANTIKAN AHLI, PENDAFTAR DAN URUS SETIA LEMBAGA RAYUAN

Pengerusi dan Timbalan Pengerusi

3. (1) Pengarah Negeri hendaklah mencadangkan senarai calon Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Lembaga Rayuan yang tertakluk kepada kelayakan di bawah perenggan 36(2)(a) Akta untuk dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

(2) Pencalonan Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Lembaga Rayuan di bawah subkaedah (1) boleh dimulakan sekurang-kurangnya 6 bulan sebelum tamat tempoh pelantikan Pengerusi dan Timbalan Pengerusi semasa.

(3) Setelah menerima senarai calon Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Lembaga Rayuan di bawah subkaedah (1), Pihak Berkuasa Negeri hendaklah mempertimbangkan dan membuat keputusan berhubung pelantikan Pengerusi dan Timbalan Pengerusi tersebut.

(4) Keputusan pelantikan Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Lembaga Rayuan hendaklah mendapat persetujuan Menteri melalui Borang 1 Jadual Pertama bersama-sama surat cara - surat cara yang berkenaan.

(5) Setelah mendapat persetujuan Menteri di bawah subkaedah (4), pelantikan Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Lembaga Rayuan hendaklah dibuat melalui pemberitahuan dalam *Warta Negeri* menurut perenggan 36(2)(a) Akta.

(6) Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Lembaga Rayuan boleh dilantik semula setelah tamat suatu tempoh lantikannya tertakluk kepada tatacara yang diperuntukkan di dalam kaedah ini.

(7) Sekiranya terdapat suatu pertindihan kepentingan kedua-dua Pengerusi dan Timbalan Pengerusi di dalam suatu rayuan, Pihak Berkuasa Negeri, dengan persetujuan Menteri, hendaklah melantik dari kalangan ahli tambahan yang dilantik menurut perenggan 36(2)(b) Akta yang tiada pertindihan kepentingan untuk menjadi Pengerusi sementara bagi rayuan tersebut.

Ahli tambahan

4. (1) Pengarah Negeri hendaklah mencadangkan senarai calon ahli tambahan Lembaga Rayuan yang tertakluk kepada kelayakan dan bilangan ahli yang diperuntukkan di bawah perenggan 36(2)(b) Akta untuk dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

(2) Setelah menerima senarai calon ahli tambahan Lembaga Rayuan di bawah subkaedah 4(1), Pihak Berkuasa Negeri hendaklah mempertimbangkan dan membuat keputusan berhubung pelantikan ahli tambahan tersebut.

(3) Pelantikan ahli tambahan Lembaga Rayuan hendaklah dibuat melalui pemberitahuan dalam *Warta Negeri* menurut perenggan 36(2)(b) Akta.

(4) Ahli tambahan Lembaga Rayuan boleh dilantik semula setelah tamat suatu tempoh lantikannya tertakluk kepada tatacara yang diperuntukkan di dalam kaedah ini.

Peletakan jawatan dan pembatalan pelantikan

5. (1) Mana-mana ahli Lembaga Rayuan boleh meletakkan jawatannya dengan memberikan notis bertulis dua bulan kepada Pihak Berkuasa Negeri.

(2) Pihak Berkuasa Negeri boleh pada bila-bila masa membatalkan pelantikan mana-mana ahli Lembaga Rayuan jika—

- (a) dia tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya untuk melaksanakan tugasnya atau menguruskan hal ehwalnya;
- (b) dia menjadi seorang bankrap;
- (c) telah disabitkan atas suatu pertuduhan, berkenaan dengan—
 - (i) suatu kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak;
 - (ii) suatu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan rasuah; atau
 - (iii) apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan penjara (sama ada penjara sahaja atau sebagai tambahan kepada atau sebagai ganti denda) melebihi dua tahun;
- (d) dia telah melakukan salah laku yang serius berhubung dengan tugasnya; atau
- (e) dia gagal mematuhi obligasinya di bawah Akta atau Kaedah-Kaedah ini.

(3) Walau apapun subkaedah (2), Pihak Berkuasa Negeri menurut subseksyen 36(4) Akta, membatalkan pelantikan seseorang ahli Lembaga Rayuan tanpa memberi apa-apa sebab.

Pendaftar dan Timbalan Pendaftar

6. (1) Pengarah Negeri hendaklah melantik seorang Pendaftar daripada kalangan anggota perkhidmatan awam yang berkhidmat dengan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Perak.

(2) Pendaftar hendaklah bertanggungjawab dalam semua aspek pentadbiran dan urusan Lembaga Rayuan, sama ada atau tidak ditetapkan secara jelas dalam Kaedah-Kaedah ini, tertakluk kepada arahan yang diberikan oleh Pengerusi dari semasa ke semasa.

(3) Tertakluk kepada keperluan dan kesesuaian, Pengarah Negeri boleh melantik seorang Timbalan Pendaftar daripada kalangan anggota perkhidmatan awam yang berkhidmat dengan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Perak.

(4) Timbalan Pendaftar hendaklah membantu Pendaftar dalam melaksanakan kewajipan Pendaftar di bawah Kaedah-Kaedah ini semasa ketiadaannya atau sebagaimana yang diarahkan oleh Pendaftar.

Urus setia

7. (1) Pengarah Negeri, sekiranya difikirkan patut, boleh melantik beberapa orang yang mempunyai kelayakan untuk berkhidmat sebagai urus setia Lembaga Rayuan.

(2) Urus setia hendaklah membantu dalam proses Lembaga Rayuan sebagaimana yang diarahkan oleh Pendaftar.

BAHAGIAN III
PROSIDING LEMBAGA RAYUAN

Pemfailan rayuan

8. (1) Melainkan jika diperuntukkan sebaliknya oleh Akta, suatu rayuan kepada Lembaga Rayuan menurut perenggan 23(1)(a), 23(1)(b), subseksyen 25(9), 30(2), 30(7), seksyen 35C, subseksyen 35D(3) atau 35E(3) Akta hendaklah difailkan melalui notis rayuan dalam tempoh satu bulan dari tarikh penyampaian keputusan, notis, perintah atau pemberitahuan, mengikut mana yang berkenaan.

(2) Suatu rayuan hendaklah dikemukakan dengan memfailkan di Pejabat Pendaftar, dengan salinan mengikut bilangan pihak yang akan disampaikan, suatu notis rayuan bertulis melalui—

- (a) Borang 1 Jadual Kedua, bagi rayuan menurut perenggan 23(1)(a) atau 23(1)(b) Akta;
- (b) Borang 2 Jadual Kedua, bagi rayuan menurut subseksyen 25(9), 30(7) atau 35D(3) Akta;
- (c) Borang 3 Jadual Kedua, bagi rayuan menurut subseksyen 30(2) Akta;
- (d) Borang 4 Jadual Kedua, bagi rayuan menurut seksyen 35C Akta; atau
- (e) Borang 5 Jadual Kedua, bagi rayuan menurut subseksyen 35E(3) Akta.

(3) Suatu notis rayuan hendaklah difailkan bersama-sama pembayaran fi sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga.

(4) Perayu hendaklah, dalam tempoh empat belas hari selepas pemfailan notis rayuan, memaklumkan secara bertulis kepada Pendaftar dan Responden maklumat dan dokumen yang akan dimasukkan ke dalam Rekod Rayuan.

Pemfailan elektronik

9. (1) Walau apapun subkaedah 8(1) dan (2), pemfailan suatu notis rayuan boleh dibuat secara elektronik, melalui sistem pemfailan elektronik, dengan mengikut arahan Pendaftar.

(2) Perayu dan pihak-pihak dalam prosiding hendaklah bertanggungjawab untuk mendapatkan dan mengekalkan keterangan dokumen berhubung pemfailan elektronik, notis rayuannya atau apa-apa dokumen lain, yang mana terpakai, yang telah dibuat dalam tempoh masa yang dibenarkan di bawah Akta dan Kaedah-Kaedah ini.

Daftar Rayuan

10. Pendaftar hendaklah menyebabkan disimpan dan dikemas kini suatu Daftar Rayuan di dalam Borang 6 Jadual Kedua.

Fi

11. Fi yang kena dibayar di bawah Kaedah-Kaedah ini hendaklah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga.

Kewajipan Pendaftar

12. Pendaftar, setelah menerima notis rayuan, hendaklah—

- (a) memasukkan butir-butir rayuan dalam Daftar Rayuan dan memberikan nombor rujukan kemasukan;
- (b) dalam tempoh empat belas hari menyampaikan satu salinan notis rayuan yang mengandungi nombor rujukan kemasukan kepada pihak berkuasa perancang tempatan yang berkenaan sebagai Responden;
- (c) jika rayuan difailkan oleh Pembantah, mendapatkan daripada Responden, nama, alamat dan maklumat untuk dihubungi, Pemohon kebenaran merancang dan mana-mana Pembantah lain yang tidak memfailkan rayuan, dan kemudiannya menyampaikan satu salinan notis rayuan kepada Pemohon kebenaran merancang dan Pembantah yang tidak memfailkan rayuan itu;
- (d) jika rayuan difailkan oleh Pemohon kebenaran merancang, mendapatkan daripada Responden, nama, alamat dan maklumat untuk dihubungi, semua Pembantah (jika ada), dan kemudiannya menyampaikan satu salinan notis rayuan kepada semua Pembantah itu; dan
- (e) mengambil tindakan lanjut atau tindakan lain yang perlu, atau sebagaimana yang boleh diarahkan oleh Pengerusi.

Bantahan awal

13. (1) Responden boleh, setelah menerima notis rayuan daripada Pendaftar, memfailkan permohonan bantahan awal kepada Lembaga Rayuan sekiranya—

- (a) rayuan Perayu tidak mematuhi kehendak, subseksyen 23(1), 25(9), 30(2), 30(7), seksyen 35C, subseksyen 35D(3) atau 35E(3) Akta; atau

(b) Perayu bukan merupakan pihak yang dibenarkan untuk membuat rayuan di bawah Akta.

(2) Permohonan bantahan awal boleh dibuat sebelum Responden melaksanakan kewajipannya di bawah kaedah 14.

(3) Setelah menerima permohonan bantahan awal menurut subkaedah (1), Panel hendaklah mendengar permohonan tersebut dengan kehadiran Perayu dan Responden dan merekodkan keputusan sama ada rayuan dibatalkan atau diteruskan.

Kewajipan Responden

14. (1) Responden, apabila menerima notis rayuan daripada Pendaftar, hendaklah—

(a) menyenaraikan nama, alamat surat-menyurat, alamat e-mel (jika ada), dan nombor telefon Pemohon kebenaran merancang dan semua Pembantah yang terdapat di dalam rekodnya;

(b) mendapatkan daripada Pemohon kebenaran merancang dan semua Pembantah maklumat dan dokumen yang mereka masing-masingnya ingin masukkan ke dalam Rekod Rayuan; dan

(c) menyediakan ringkasan fakta penting berhubung dengan rayuan mengikut kronologi dan alasan keputusan atau tindakan yang dirayu, termasuk semua maklumat dan dokumen yang relevan, yang akan dimasukkan ke dalam Rekod Rayuan.

(2) Responden hendaklah, dalam tempoh satu bulan dari penerimaan satu salinan notis rayuan daripada Pendaftar, atau dalam masa lanjutan yang dibenarkan oleh Pengerusi, menyelesaikan semua tindakan yang perlu dan memberikan kepada Pendaftar salinan yang mencukupi, semua maklumat dan dokumen yang disediakan atau dikumpulkan di bawah subkaedah (1).

Kewajipan orang berkepentingan

15. (1) Pemohon kebenaran merancang atau Pembantah, yang bukan merupakan Perayu dalam rayuan, hendaklah dalam tempoh empat belas hari selepas penerimaan suatu salinan notis rayuan daripada Pendaftar, mengambil tindakan berikut—:

(a) memaklumkan kepada Pendaftar dan Responden, secara bertulis, sama ada dia ingin didengar oleh Lembaga Rayuan semasa perbicaraan rayuan;

(b) membekalkan kepada Pendaftar dan Responden, alamat terkini surat-menyurat, alamat e-mel dan nombor telefon; dan

(c) memberikan kepada Pendaftar semua maklumat dan dokumen untuk dimasukkan ke dalam Rekod Rayuan, yang boleh termasuk suatu pernyataan bertulis olehnya mengenai kepentingannya dalam perkara itu, kedudukannya berhubung rayuan, alasan atau sebab yang dia niatkan untuk dikemukakan semasa perbicaraan rayuan, dan apa-apa perkara lain yang relevan untuk dibawa kepada perhatian Panel.

(2) Orang berkepentingan yang gagal mematuhi atau lewat dalam mematuhi kehendak subkaedah (1), hendaklah dianggap sebagai tidak ingin didengar dan tidak akan didengar semasa perbicaraan rayuan, melainkan Panel berpuas hati dengan sebab-sebab bertentangan yang ditunjukkan olehnya.

(3) Tertakluk kepada peruntukan Akta dan Kaedah-Kaedah ini, kelayakan orang berkepentingan untuk didengar, cara dan takat penglibatannya, hendaklah ditentukan atas budi bicara Panel.

(4) Dalam melaksanakan budi bicara ini, apa-apa kegagalan atau kelewatan oleh orang berkepentingan dalam mematuhi kehendak subkaedah (1) hendaklah menjadi faktor yang akan diambil kira oleh Panel.

Rekod Rayuan dan penyampaian

16. (1) Sekiranya Pendaftar tidak menerima semua maklumat dan dokumen yang dikehendaki untuk diberikan kepadanya di bawah kaedah-kaedah 14 dan 15 dalam masa yang ditetapkan, Pendaftar boleh meneruskan untuk menetapkan rayuan bagi pengurusan kes di hadapan Panel, dan Panel hendaklah mengeluarkan arahan berhubung tindakan lanjut atau pelupusan rayuan.

(2) Pendaftar hendaklah, dalam tempoh empat belas hari selepas menerima maklumat dan dokumen yang diberikan di bawah kaedah-kaedah 14 dan 15, atau dalam tempoh lanjutan yang dibenarkan oleh Pengerusi, menyusun dan menyediakan salinan Rekod Rayuan yang mencukupi yang mengandungi semua maklumat dan dokumen yang diperlukan.

(3) Sebaik sahaja Rekod Rayuan disediakan, Pendaftar hendaklah menyampaikan kepada Perayu satu notis melalui Borang 7 Jadual Kedua, bahawa Rekod Rayuan telah siap dan Pendaftar hendaklah menetapkan rayuan bagi pengurusan kes di hadapan Panel.

(4) Pendaftar hendaklah membekalkan kepada Perayu satu salinan Rekod Rayuan, dan menyebabkan satu salinannya disampaikan kepada Responden dan mana-mana orang berkepentingan yang telah mematuhi kehendak subkaedah 15(1) dalam tempoh tidak kurang daripada empat belas hari sebelum tarikh pendengaran rayuan.

(5) Pendaftar hendaklah, setelah menjalankan kewajibannya di bawah subkaedah (4), menyampaikan kepada Perayu, Responden, dan mana-mana orang berkepentingan yang telah mematuhi kehendak subkaedah 15(1), satu notis pengurusan kes melalui Borang 8 Jadual Kedua.

(6) Pendaftar hendaklah, tidak kurang daripada tempoh empat belas hari sebelum pendengaran rayuan, membekalkan satu salinan Rekod Rayuan kepada setiap ahli Panel yang mendengar rayuan, tertakluk kepada apa-apa penyingkatan masa yang boleh dibuat oleh Pengerusi.

(7) Selepas penyerahan Rekod Rayuan, Perayu, Responden, atau mana-mana orang berkepentingan boleh, dengan kebenaran dan atas apa-apa terma yang dikenakan oleh Panel, mengemukakan maklumat lanjut dan dokumen berhubung dengan rayuan kepada Panel.

(8) Panel boleh, pada bila-bila masa, menghendaki, mengarahkan atau membenarkan Perayu, Responden, mana-mana orang berkepentingan, atau saksi untuk memberikan, dalam masa yang ditetapkan, maklumat lanjut, dokumen atau butiran lanjut mengenai apa-apa perkara berhubung dengan rayuan, tertakluk kepada apa-apa terma sebagaimana yang difikirkan oleh Panel sebagai bersesuaian dan adil.

(9) Panel boleh, pada bila-bila masa, membenarkan Perayu, Responden, atau mana-mana orang berkepentingan untuk meminda mana-mana pernyataan atau dokumen-dokumen lain yang boleh dibuat pindaan, tertakluk kepada apa-apa terma sebagaimana yang difikirkan oleh Panel sebagai adil.

Pengurusan kes

17. (1) Pendaftar hendaklah, dengan seberapa segera yang mungkin selepas menerima suatu Rekod Rayuan, menetapkan tarikh pengurusan kes selaras dengan kaedah 16.

(2) Tujuan pengurusan kes hendaklah termasuk yang berikut—:

- (a) untuk menentukan isu yang akan dihujahkan oleh pihak-pihak di dalam perbincangan rayuan;
- (b) untuk menjelaskan isu, hujah fakta atau undang-undang, dan terma-terma perintah, relief atau arahan yang dimohon pihak-pihak;
- (c) untuk menimbangkan kemungkinan penyelesaian bagi semua atau mana-mana isu dalam prosiding itu;
- (d) untuk membolehkan Panel mengeluarkan arahan berhubung tindakan lanjut bagi memastikan perjalanan prosiding yang lancar dan berkesan; atau
- (e) membatalkan rayuan.

(3) Suatu pengurusan kes boleh ditetapkan dan ditangguhkan dari semasa ke semasa. Semasa penutupan pengurusan kes.

(4) Pengerusi hendaklah menetapkan rayuan untuk perbincangan sama ada di hadapan Panel yang sama atau Panel yang berbeza.

Sidang Lembaga Rayuan

18. (1) Lembaga Rayuan hendaklah bersidang pada tarikh, masa dan, di tempat yang ditentukan oleh Pengerusi atau Timbalan Pengerusi dari semasa ke semasa.

(2) Tempat di mana Lembaga Rayuan bersidang hendaklah disifatkan sebagai mahkamah terbuka.

(3) Pendaftar hendaklah menyediakan satu notis yang mengandungi tarikh, masa dan tempat bagi pengurusan kes atau perbicaraan, mengikut mana yang berkenaan, melalui Borang 8 Jadual Kedua yang dinyatakan di bawah subkaedah 16(5), dan hendaklah menyampaikannya kepada Perayu, Responden, dan semua orang berkepentingan, tidak kurang daripada tujuh hari sebelum bersidang.

(4) Apabila tarikh bagi pengurusan kes atau perbicaraan ditetapkan oleh Panel dengan kehadiran suatu pihak atau orang, atau peguamnya atau wakil, tiada notis bertulis di bawah subkaedah (3) perlu disampaikan oleh Pendaftar kepada pihak atau orang itu.

Perbicaraan rayuan

19. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta dan Kaedah-Kaedah ini, prosedur berikut hendaklah terpakai kepada perbicaraan di hadapan Lembaga Rayuan—

- (a) bagi rayuan menurut perenggan 23(1)(a) Akta, Pemohon kebenaran merancang yang mematuhi kehendak subkaedah 15(1) hendaklah dibenarkan untuk didengar semasa perbicaraan rayuan, tetapi cara dan takat penglibatan Pemohon kebenaran merancang tersebut hendaklah tertakluk kepada arahan Panel;
- (b) bagi rayuan menurut perenggan 23(1)(b) Akta, Pembantah hendaklah layak untuk didengar semasa perbicaraan rayuan, tetapi cara dan takat penglibatan Pembantah tersebut hendaklah tertakluk kepada arahan Panel;
- (c) bagi rayuan menurut perenggan 23(1)(b) Akta, mana-mana Pembantah selain Perayu yang mematuhi kehendak subkaedah 15(1) hendaklah dibenarkan untuk didengar semasa perbicaraan rayuan, tetapi cara dan takat penglibatan Pembantah tersebut hendaklah tertakluk kepada arahan Panel;
- (d) Pengerusi hendaklah menentukan susunan pihak-pihak dan mana-mana orang berkepentingan untuk didengar. Perayu hendaklah, melainkan Panel mengarahkan sebaliknya, mempunyai hak muktamad untuk menjawab melalui penghujahan;
- (e) tertakluk kepada arahan Panel, pihak-pihak dan mana-mana orang berkepentingan dalam rayuan hendaklah mengemukakan keterangan secara lisan dan hendaklah diberikan secara bersumpah serta tertakluk kepada pemeriksaan balas;

- (f) Panel hendaklah mempunyai budi bicara untuk tidak menerima pakai di dalam perbicaraan, di dalam membuat keputusannya, peruntukan undang-undang keterangan yang ketat yang terpakai di Mahkamah;
- (g) Panel hendaklah pada bila-bila masa berhak untuk menanyakan soalan kepada, dan memeriksa, mana-mana saksi yang dipanggil oleh mana-mana pihak atau mana-mana orang berkepentingan;
- (h) Panel boleh atas kehendaknya sendiri, atau atas permintaan mana-mana pihak atau orang berkepentingan, memanggil mana-mana orang sebagai saksi termasuk sebagai saksi pakar;
- (i) Panel boleh memaksa mana-mana pihak, orang berkepentingan atau saksi untuk mengemukakan apa-apa dokumen yang di dalam kuasa orang itu untuk dikemukakan;
- (j) apa-apa pernyataan bertulis atau keterangan dokumentari yang diserahkan hendaklah ditanda sebagai ekshibit dan hendaklah menjadi sebahagian daripada rekod;
- (k) Panel boleh mengadakan lawatan ke tapak pada bila-bila masa yang difikirkan sesuai;
- (l) Pengerusi hendaklah mengambil, atau menyebabkan diambil, nota prosiding bagi setiap pengurusan kes dan perbicaraan, serta penghujahan pihak-pihak dan mana-mana orang berkepentingan, dalam bentuk dan cara yang Pengerusi hendaklah tentukan.

Penangguhan perbicaraan atau prosiding

20. (1) Panel boleh, menangguhkan suatu perbicaraan atau prosiding dari semasa ke semasa, atas apa-apa terma sebagaimana yang difikirkannya patut, dan perlu.

(2) Penerusan sesuatu perbicaraan selepas suatu penangguhan hendaklah tidak menyebabkan penerusan perbicaraan itu menjadi tidak teratur atau tidak sah atas alasan mana-mana ahli Panel adalah berlainan dengan ahli Panel semasa perbicaraan sebelumnya.

(3) Walau apa pun yang dinyatakan dalam subkaedah (1), Pengerusi boleh memerintahkan perbicaraan semula sekiranya terdapat permohonan oleh mana-mana pihak atau orang berkepentingan dan dia berpuas hati bahawa perbicaraan semula adalah wajar dan adil dalam hal keadaan kes itu.

Pemakaian Kaedah-Kaedah Mahkamah

21. (1) Di mana tidak diperuntukkan selainnya oleh Akta atau Kaedah-Kaedah ini—

- (a) Lembaga Rayuan boleh mengawal selia prosiding dengan memberi perhatian kepada kaedah-kaedah mahkamah yang dipakai bagi Mahkamah Rendah dalam mana-mana guaman atau perkara sivil; atau

(b) borang-borang yang digunakan dalam Mahkamah yang tersebut dalam perenggan (a) boleh digunakan dengan ubahsuaian bagi prosiding di hadapan Lembaga Rayuan.

(2) Pemakaian kaedah-kaedah mahkamah dan borang-borang Mahkamah menurut perenggan (1)(a) dan (b) hendaklah tidak berlawanan dengan maksud Akta dan Kaedah-Kaedah ini.

Keputusan rayuan

22. (1) Selepas perbicaraan, Pengerusi, setelah berunding dengan dua ahli lain, hendaklah menyampaikan keputusan, perintah atau award berserta alasan-alasan keputusannya di akhir pendengaran atau pada tarikh lain yang ditetapkan oleh Pengerusi.

(2) Selepas keputusan, perintah atau award disampaikan menurut subkaedah (1), Pendaftar hendaklah menyediakan satu salinan keputusan, perintah atau award tersebut melalui Borang 9 Jadual Kedua, dan menyampaikan satu salinan yang sama kepada pihak-pihak kepada rayuan, dan kepada mana-mana orang berkepentingan yang mengambil bahagian semasa perbicaraan rayuan.

Rundingan penyelesaian dan perintah persetujuan

23. (1) Pihak-pihak boleh mengadakan rundingan bagi mencapai penyelesaian yang dipersetujui berhubung dengan rayuan itu.

(2) Jika pihak-pihak mencapai persetujuan secara keseluruhan atau sebahagiannya, semua pihak yang terlibat boleh meminta Panel untuk merekodkan dan membuat suatu perintah persetujuan melalui Borang 10 Jadual Kedua.

(3) Apa-apa permintaan untuk suatu perintah persetujuan hendaklah dibuat dengan menghantar serah kepada Pendaftar suatu draf perintah persetujuan yang ditandatangani oleh semua pihak yang terlibat atau wakil mereka yang menyatakan terma yang dipersetujui pihak-pihak.

(4) Panel boleh, sebagaimana yang difikirkannya sesuai dan setelah mendengar pihak-pihak—

(a) membuat perintah persetujuan sebagaimana yang diminta di bawah subkaedah (1); atau

(b) tertakluk kepada persetujuan pihak-pihak, mengubah terma perintah persetujuan itu dan membuat perintah persetujuan mengikut terma yang diubah.

Ketidakhadiran pihak-pihak

24. (1) Jika semasa Lembaga Rayuan bersidang—

- (a) Perayu tidak hadir, Panel boleh membatalkan atau menolak rayuan itu;
- (b) Responden tidak hadir, Panel boleh meneruskan dengan perbicaraan rayuan, atau boleh menangguhkan perbicaraan itu ke hari lain; atau
- (c) orang berkepentingan yang mematuhi kehendak subkaedah 15(1) tidak hadir, Panel boleh meneruskan dengan perbicaraan rayuan itu dengan ketidakhadirannya, atau boleh menangguhkan perbicaraan itu ke hari lain jika Panel berpuas hati bahawa penglibatannya patut, setakat yang boleh, diperolehi dalam keadaan kes itu.

(2) Jika suatu rayuan dibatalkan atau ditolak atas alasan ketidakhadiran Perayu semasa perbicaraan, Perayu boleh dalam tempoh empat belas hari dari tarikh perbicaraan itu, membuat permohonan yang disokong affidavit untuk menghidupkan semula rayuan.

(3) Panel boleh, selepas mendengar permohonan di bawah subkaedah (2), mengetepikan perintah sebelumnya dan membenarkan rayuan itu dihidupkan semula jika ia berpuas hati dengan alasan ketidakhadiran Perayu, atau terdapat apa-apa sebab lain yang mencukupi untuk menghidupkan semula rayuan itu dan dalam keadaan itu, Panel hendaklah mengeluarkan arahan lanjut berhubung penerusan perbicaraan.

(4) Jika perbicaraan rayuan diteruskan dan diputuskan dengan ketidakhadiran Responden atau orang berkepentingan yang mematuhi kehendak subkaedah 15(1), Responden atau orang berkepentingan itu boleh dalam tempoh empat belas hari daripada penutupan perbicaraan itu, sama ada keputusan dibuat dengan serta merta atau ditangguhkan oleh Panel, membuat permohonan yang disokong affidavit supaya rayuan itu didengar semula.

(5) Panel boleh, selepas mendengar permohonan di bawah subkaedah (4), mengetepikan perintah terdahulu dan membenarkan rayuan didengar semula jika ia berpuas hati dengan alasan ketidakhadiran Responden atau orang berkepentingan, atau terdapat apa-apa sebab lain yang mencukupi untuk mendengar semula rayuan itu. dan dalam keadaan itu, Panel hendaklah mengeluarkan arahan lanjut berhubung penerusan perbicaraan.

Menarik balik rayuan

25. (1) Perayu boleh, pada bila-bila masa sebelum penutupan perbicaraan rayuannya, memohon kebenaran daripada Pengerusi untuk menarik balik atau memberhentikan rayuannya.

(2) Permohonan menarik balik atau memberhentikan rayuan boleh dibuat secara lisan semasa pengurusan kes atau perbicaraan rayuan, atau secara permohonan bertulis.

(3) Penarikan balik atau pemberhentian rayuan boleh tertakluk kepada perintah kos, perintah lain atau apa-apa arahan yang Panel sifatkan sebagai sesuai.

(4) Dalam kes penarikan balik atau pemberhentian rayuan yang difailkan oleh Pembantah di bawah perenggan 23(1)(b) Akta, Panel boleh, jika berpuas hati hal keadaan kes mewajarkan, mengundang mana-mana Pembantah lain yang tidak memfailkan rayuan tetapi telah mematuhi kehendak subkaedah 15(1) untuk menggantikan dirinya bagi pihak Perayu asal dalam rayuan.

(5) Jika terdapat Pembantah yang dengan sukarela menggantikan dirinya, Panel boleh membuat perintah penggantian, selepas perbicaraan dan memberikan pertimbangan terhadap mana-mana bantahan yang boleh dibangkitkan oleh Responden atau mana-mana orang berkepentingan.

(6) Apabila perintah penggantian dibuat, Panel hendaklah mengeluarkan arahan berhubung tindakan lanjut rayuan, dengan Perayu yang menggantikan tempat Perayu asal.

Kos dan perbelanjaan

26. (1) Dalam mana-mana prosiding rayuan, setiap pihak hendaklah menanggung kos dan perbelanjaannya sendiri.

(2) Walau apa yang dinyatakan dalam subkaedah (1), Panel mempunyai budi bicara untuk memerintahkan mana-mana pihak untuk membayar kos dalam keadaan di mana ia akan menjadi tidak adil untuk tidak memberi award kos tersebut.

(3) Panel boleh membuat perintah untuk membayar kos di bawah kaedah ini walaupun dengan ketidakhadiran mana-mana pihak semasa pendengaran rayuan.

BAHAGIAN IV PERUNTUKAN AM

Bahasa

27. (1) Semua prosiding di hadapan Lembaga Rayuan hendaklah dikendalikan dalam bahasa kebangsaan.

(2) Walau apapun subkaedah (1), Panel boleh, atas inisiatifnya atau permohonan mana-mana pihak kepada prosiding itu, dan selepas menimbangkan kepentingan keadilan dalam prosiding itu, memerintahkan supaya prosiding boleh sebahagiannya dalam bahasa kebangsaan dan sebahagiannya dalam bahasa Inggeris.

(3) Mana-mana pihak kepada prosiding itu boleh, dengan kebenaran Pengerusi, meminta Lembaga Rayuan untuk menyediakan seorang jurubahasa untuk membantu saksi.

Saman untuk hadir

28. (1) Pengerusi boleh, atas kehendaknya sendiri atau atas permohonan oleh mana-mana pihak atau orang berkepentingan, mengarahkan Pendaftar untuk mengeluarkan saman kepada mana-mana orang yang menetap atau berada di Malaysia untuk hadir semasa perbicaraan sesuatu rayuan.

(2) Saman itu hendaklah melalui Borang 11 Jadual Kedua, dan hendaklah disampaikan menurut seksyen 46 Akta kepada orang yang dinamakan di dalamnya.

(3) Apabila orang yang dinamakan dalam saman kepada saksi dikehendaki untuk memberi keterangan atas perkara berhubung dengan sebuah jabatan, badan, syarikat, perbadanan atau organisasi yang mana dia adalah seorang pegawai, dia boleh, tertakluk kepada kebenaran dan arahan Pengerusi, melakukannya melalui pegawai lain yang dinamakan olehnya yang mempunyai pengetahuan berhubung perkara yang dia disaman untuk memberi keterangan.

(4) Walau apapun subkaedah (3), obligasi di bawah saman kepada saksi hendaklah tidak dilepaskan sehingga selepas wakilnya telah memberikan keterangan, dan selepas Panel berpuas hati yang keterangan wakilnya adalah mencukupi bagi maksud saman kepada saksi dikeluarkan.

(5) Jika Panel tidak berpuas hati dengan kecukupan keterangan wakilnya, orang yang asalnya dinamakan dalam saman kepada saksi hendaklah hadir dan memberikan keterangan di hadapan Panel.

Saman untuk mengemukakan dokumen

29. (1) Pengerusi boleh, atas kehendaknya sendiri atau atas permohonan oleh mana-mana pihak atau orang berkepentingan, mengarahkan Pendaftar untuk mengeluarkan saman untuk mengemukakan dokumen untuk menghendaki mana-mana orang yang menetap atau ada di Malaysia untuk mengemukakan dan memberikan kepada Lembaga Rayuan maklumat dan dokumen yang dinyatakan dalam saman yang dalam kuasa orang itu untuk mengemukakan.

(2) Saman untuk mengemukakan dokumen hendaklah melalui Borang 12 Jadual Kedua, dan hendaklah disampaikan menurut seksyen 46 Akta kepada orang yang dinamakan di dalamnya.

(3) Peruntukan subkaedah 28(3) dan 28(4) adalah terpakai *mutatis mutandis* bagi kaedah ini.

Permohonan saman

30. (1) Suatu permohonan bagi pengemukakan saman boleh dibuat secara lisan semasa pengurusan kes atau perbicaraan rayuan, atau melalui permintaan bertulis yang dialamatkan kepada Pendaftar.

(2) Fi yang kena dibayar bagi mengeluarkan dan menyampaikan saman sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga.

(3) Saman yang disampaikan hendaklah terus berkuat kuasa sehingga penutupan perbicaraan rayuan.

(4) Perbelanjaan kehadiran mana-mana orang yang dinamakan dalam saman atau wakilnya hendaklah ditanggung oleh pihak yang menghendaki atau memohon pengeluaran saman tersebut.

(5) Tanpa prejudis kepada subkaedah (4), Panel boleh menghendaki mana-mana pihak untuk membayar kepada orang yang dinamakan dalam saman atau wakilnya suatu amaun yang Panel fikirkan sesuai.

(6) Seseorang yang telah disampaikan dengan suatu saman, dan gagal untuk mematuhi kehendak saman itu, adalah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 174 atau 175 Kanun Keseksaan [*Akta 574*], mengikut mana yang berkenaan.

Meterai rasmi

31. (1) Lembaga Rayuan hendaklah mempunyai meterai rasmi yang disimpan oleh Pendaftar.

(2) Setiap saman, notis, award, perintah dan keputusan yang dikeluarkan, dibuat atau diberi oleh Lembaga Rayuan hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi dan dimeterai dengan meterai rasmi Lembaga Rayuan.

(3) Setiap notis dan dokumen-dokumen selain yang disebutkan dalam subkaedah (2) boleh ditandatangani oleh atau bagi pihak Pengerusi atas arahannya, dan dimeterai dengan meterai rasmi Lembaga Rayuan.

Pelanjutan masa

32. Masa yang ditetapkan di bawah Kaedah-Kaedah ini bagi melakukan apa-apa tindakan boleh dari semasa ke semasa dilanjutkan, atau disingkatkan, oleh Pengerusi, atas kehendaknya sendiri atau atas permohonan mana-mana pihak atau orang berkepentingan yang disokong dengan affidavit, dan atas apa-apa terma sebagaimana yang difikirkannya adil.

Perwakilan pihak-pihak

33. Dalam mana-mana rayuan, sesuatu pihak berkuasa perancang tempatan boleh hadir melalui mana-mana pegawainya yang dilantik dengan sempurna atau melalui seorang peguam cara atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa dengan sempurna olehnya; dan mana-mana orang lain boleh hadir bagi pihaknya sendiri atau diwakili oleh seorang peguam cara atau mana-mana orang lain yang dibenarkan oleh Lembaga Rayuan.

Penggantungan pelaksanaan

34. (1) Pemfailan rayuan oleh seseorang Pemohon kebenaran merancang atau Pembantah hendaklah tidak berkuat kuasa sebagai suatu penggantungan kebenaran merancang yang diberikan oleh Responden.

(2) Panel boleh, pada bila-bila masa atau atas permohonan oleh mana-mana pihak atau orang berkepentingan, membuat satu perintah untuk menggantungkan perjalanan atau pelaksanaan kebenaran merancang yang diberikan oleh Responden, atas terma yang difikirkan perlu dan jika ia berpuas hati bahawa—

- (a) ketiadaan perintah penggantungan pelaksanaan akan menjadikan keputusan atau perintah Panel sia-sia atau tidak berkesan, jika rayuan kemudiannya dibenarkan; atau
- (b) hal keadaan kes mewajarkan pemberian suatu penggantungan.

Elaun

35. (1) Pengerusi, Timbalan Pengerusi, dan ahli-ahli lain Lembaga Rayuan yang bersidang sebagai Panel hendaklah menerima elaun sebagaimana ditetapkan dalam Jadual Keempat, dan hendaklah dibayar balik bagi semua pengangkutan, penginapan dan perbelanjaan lain yang dibelanjakan semasa menghadiri persidangan.

(2) Timbalan Pengerusi yang bersidang sebagai Pengerusi hendaklah layak mendapat elaun yang sama sebagaimana Pengerusi.

(3) Pendaftar, Timbalan Pendaftar dan urus setia hendaklah dibayar elaun sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Keempat.

Pelbagai

36. (1) Melainkan diperuntukkan sebaliknya, apa-apa notis atau dokumen yang dikehendaki untuk disampaikan di bawah Kaedah-Kaedah ini hendaklah disampaikan menurut seksyen 46 Akta.

(2) Bagi menghapuskan keraguan, dengan ini dinyatakan bahawa tiada apa-apa jua dalam Kaedah-Kaedah ini boleh disifatkan sebagai mengehendak atau menjejaskan kuasa sedia ada Lembaga Rayuan untuk membuat apa-apa perintah sebagaimana yang perlu untuk mencegah ketidakadilan atau untuk mencegah suatu penyalahgunaan proses Lembaga Rayuan.

Pembatalan

37. Kaedah-Kaedah Lembaga Rayuan Negeri Perak 1991 [*Pk.P.U.21/1991*] (Kaedah-Kaedah dibatalkan) dibatalkan.

Kecualian dan peralihan

38. (1) Tiada apa-apa pun dalam Kaedah-Kaedah ini boleh menyentuh kesahan dan kuat kuasa apa-apa keputusan yang dibuat berkenaan dengan apa-apa perkara di bawah mana-mana Kaedah-Kaedah dibatalkan dan keputusan itu hendaklah terus mempunyai kuat kuasa dan kesan sepenuhnya walau apa pun apa-apa yang tidak konsisten atau bertentangan dengan apa-apa peruntukan dalam Kaedah-Kaedah ini.

(2) Semua perkara dan prosiding yang masih belum selesai di hadapan Lembaga Rayuan sebelum berkuat kuasanya Kaedah-Kaedah ini hendaklah terus diuruskan mengikut Kaedah-Kaedah dibatalkan seolah-olah Kaedah-Kaedah dibatalkan itu tidak dibatalkan.

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976
KAEDAH-KAEDAH LEMBAGA RAYUAN NEGERI PERAK 2022

JADUAL PERTAMA

BORANG 1

[subkaedah 3(4)]

PELANTIKAN *PENGERUSI TIMBALAN PENGERUSI LEMBAGA RAYUAN

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 36(2)(a) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*], Pihak Berkuasa Negeri Perak dengan persetujuan Menteri

..... dengan ini, melantik
(*Nama Kementerian*)

..... sebagai *Pengerusi / Timbalan Pengerusi
(*Nama *Pengerusi / Timbalan Pengerusi yang dilantik*)

Lembaga Rayuan bagi tempoh tahun berkuat kuasa dari tarikh pemberitahuan ini disiarkan dalam *Warta* Negeri.

[No. Fail.....]

Tarikh:

.....
Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

Saya bersetuju

.....

Menteri _____
(*Nama Kementerian*)

Tarikh:

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976
KAEDAH-KAEDAH LEMBAGA RAYUAN NEGERI PERAK 2022

JADUAL KEDUA

BORANG 1

[perenggan 8(2)(a)]

NOTIS RAYUAN TERHADAP KEPUTUSAN PIHAK BERKUASA PERANCANG
TEMPATAN DI BAWAH PERENGGAN 23(1)(a) / 23 (1)(b)
AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

No. Rayuan

Pendaftar
Lembaga Rayuan
NEGERI PERAK

(1) *Saya/Kami
(No. K.P/No. Syarikat:)
beralamat di
adalah dengan ini merayu kepada Lembaga Rayuan terhadap keputusan

(Pihak Berkuasa Perancang Tempatan)

yang dibuat pada dan disampaikan kepada *saya/kami
(tarikh keputusan)

pada yang:
(tarikh penyampaian)

- * (a) enggan memberi kebenaran merancang;
- * (b) memberi kebenaran merancang tertakluk kepada syarat-syarat; atau
- * (c) memberi kebenaran merancang bercanggah dengan bantahan saya/
kami.

(2) *Saya/Kami adalah:
